

Peneraju baru UUM

Dr Mohamed Mustafa mahu lonjak pencapaian, pengiktirafan



SEBAGAI Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) yang baru, Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak berdepan banyak cabaran bagi mengekalkan status UUM sebagai institusi pendidikan yang menjadikan bidang pengurusan sebagai terasnya dan melakukan pembaharuan untuk memastikan institusi itu terus maju.

Hakikat itu diakui sendiri Dr Mohamed Mustafa yang menganggap UUM kini perlu dipacu ke era baru selepas kejayaannya menempatkan diri sebagai sebuah universiti terkemuka di rantau ini. Berikut kupasan Dr Mohamed Mustafa kepada Wartawan Berita Harian, Nahar Tajri dalam pertemuan dengannya, baru-baru ini.

STerlebih dulu tahniah atas pelantikan sebagai Naib Canselor ketujuh UUM. Bidang tugas selepas ini pastinya lebih berat apabila dilantik menerajui sebuah universiti yang dikenali sebagai pusat pengajian berteraskan bidang pengurusan. Apa perancangan utama Prof sebaik menerima pelantikan ini?

JPertama sekali saya ingin mengungkap sedikit sejarah penubuhan UUM yang saya kira unik kerana ia adalah satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan dengan fokus sudah ditetapkan iaitu pusat pengajian berteraskan bidang pengurusan.

Ketika penubuhan UUM 26 tahun lalu kerajaan yang ketika itu diterajui

melahirkan ramai graduan dalam bidang pengurusan bagi memenuhi keperluan menjadi negara maju.

Sejak itu UUM peringkat demi peringkat mengalami banyak perubahan untuk selaras dengan aspirasi pendidikan negara.

Sehingga kini UUM sudah berada di satu tahap yang boleh kita banggakan, namun selepas semua itu saya dapati UUM memerlukan lonjakan bagi memastikan tahap yang ada ketika ini mampu terus berkembang dan tidak hanya statik dengan mengamalkan apa yang ada semata-mata.

Bagi saya, kejayaan yang sudah dicapai ketika ini perlu kepada lonjakan untuk memastikan era baru UUM ini memasuki fasa kedua dalam hayatnya. Ia penting kerana UUM perlu

baru untuk memastikannya sentiasa menjadi institusi pengajian tinggi terulung dalam bidang ini.

SSejak ditubuhkan, UUM sinonim sebagai sebuah universiti yang melahirkan graduan berkebolehan dalam bidang pengurusan. Berdasarkan aspek ini, apakah difikirkan perlu dilakukan bagi memastikan UUM mengekalkan statusnya sebagai pusat pendidikan ternama dalam bidang ini?

JSeperti dikatakan, UUM perlu kepada lonjakan ke tahap lebih tinggi dalam pencapaian sedia ada. UUM kini sudah berdaftar dengan Association to Advance Collegiate School of Business untuk mendapatkan akreditasi antarabangsa dan perlu memenuhi 21 pawaian ditetapkan.

Ia bukan saja untuk mengekalkan status UUM, malah memberi lonjakan baru ke satu tahap lebih tinggi iaitu hingga ke peringkat antarabangsa.

Untuk tujuan itu saya melihat kepada dua aspek asas yang perlu diperkasakan iaitu struktur akademik dan pentadbiran bagi memastikan UUM dipacu jentera berkebolehan dan komited dengan aspirasi universiti.

Dalam hal ini pada asasnya saya suka mewujudkan suasana pembelajaran dan pekerjaan yang ceria di UUM iaitu sebagai pelajar mereka seronok belajar di UUM dan sebagai pekerja mereka gembira bekerja di sini.

Soal kebajikan pekerja dan pelajar perlu diberi perhatian sewajarnya kerana ia adalah asas kepada pembentukan persekitaran sebuah institusi yang berdaya maju, selain mampu mewujudkan semangat kekitaan serta perasaan bertanggungjawab terhadap jenama dan imej UUM itu sendiri.

Hal ini berkait rapat dengan akademik kerana secara langsung ia akan menyentuh soal kualiti sumber manusia termasuk pensyarah atau tenaga kerja lain yang akan memainkan peranan dalam menajayakan hasrat UUM untuk menjadi universiti penyelidikan satu hari nanti.

Banyak perkara yang perlu dipertingkatkan untuk mencapai tahap ini terutama dari segi bilangan dan kualiti

Untuk sampai ke tahap itu, kita perlu ramai profesor bertaraf antarabangsa yang berkebolehan walaupun ia mungkin satu perkara yang sukar dilakukan UUM memandangkan keupayaan kita agak terbatas dari segi kewangan.

Namun ia tidak menjadi sebab untuk kita tidak mampu berbuat demikian. Oleh itu kita mengambil ramai profesor pelawat bertaraf antarabangsa membantu mengikut keperluan masing-masing.

Ketika ini di UUM ada 30 peratus profesor pelawat yang dijemput khas untuk mencurahkan ilmu pengetahuan mereka kepada pelajar UUM dan pada awal bulan ini kita akan bawa masuk 114 lagi profesor pelawat dari luar negara yang mempunyai PhD untuk membantu merealisasikan hasrat itu.

SAntara cabaran besar setiap universiti kini adalah untuk memastikan graduan dilahirkannya berdaya saing tinggi untuk memasuki pasaran kerja. Dalam aspek ini apakah yang dirasakan perlu dilakukan oleh UUM untuk meningkatkan nilai pasaran graduannya?

JPenstrukturan semula yang disebutkan sebelum ini antaranya berkaitan dengan hal ini kerana ia menjadi penanda aras terhadap kejayaan sesebuah institusi pendidikan.

Adalah penting untuk setiap universiti memastikan program yang ditawarkan mempunyai nilai tinggi dan praktikal dalam keperluan kerja nanti.

Sebab itu UUM amat mementingkan kualiti dalam pendidikannya dengan sentiasa memastikan sistem yang digunakan memenuhi keperluan semasa dalam industri.

Berbalik kepada pengambilan profesor pelawat yang saya katakan tadi, salah satu kriteria yang diberi penekanan ialah hubungan rapat mereka dengan industri yang bukan saja memudahkan kita untuk menghantar pelajar mengikuti latihan amali tetapi secara tidak langsung turut memberi gambaran kepada UUM mengenai kehendak se-

SSebagai antara universiti tempatan yang menempatkan ramai pelajar antarabangsa, ia semestinya satu lagi cabaran untuk memastikan institusi ini sentiasa mampu menarik minat mereka untuk melanjutkan pelajaran di sini. Bagaimana Prof menanganinya soal ini?

JBagi saya ia masih bertitik tolak kepada kualiti pentadbiran, tenaga pengajar, suasana kampus dan layanan terhadap semua warga UUM sama ada pelajar luar atau tempatan. UUM perlu pastikan semua keperluan ini dipenuhi kerana pelajar ini datang dari jauh dan memilih UUM kerana gambaran yang diberikan kepada mereka sebelum ke sini.

Oleh itu tanggapan awal mereka sudah tentu berkisar kepada apa yang ditawarkan UUM itu sama ada mampu mengikut keperluan mereka sebagai pelajar dan orang persendirian.

UUM perlu lengkap dari segala sudut sama ada berkaitan keperluan dalam pelajaran, keperluan riadah dan penginapan yang berkualiti berikutan lokasi kita yang agak jauh dari bandar besar.

Untuk itu kita juga adalah satu-satunya universiti yang mempunyai kolej kediaman berkonsepkan syarikat korporat ternama seperti Petronas, Sime Darby dan Bank Rakyat serta banyak lagi yang membantu memberi keselesaan kepada pelajar untuk menikmati kemudahan penginapan yang lebih selesa.

Melalui dana sebanyak RM250,000 yang disalurkan syarikat korporat ini semuanya kita kembalikan kepada pelajar untuk keselesaan mereka.

Ia penting kerana pelajar luar ini nanti akan menjadi duta kecil Malaysia ke negara masing-masing yang secara tidak langsung akan menaikkan imej UUM dan negara ini di mata dunia.

Ketika ini kita mempunyai seramai 2,726 pelajar asing iaitu kedua tertinggi selepas Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan daripada jumlah itu 1,100 orang sedang mengikuti program pascasiswazah,